

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Taklimat barigakan Anugerah HBK 2023

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Urus Setia Anugerah Hari Belia Kebangsaan Ke-18 Tahun 2023, hari ini, mengadakan Taklimat Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 Bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-18, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh Pekerja Kanan Belia dan Sukan, Awang Mohamad Ali Noh bin Haji Masri diikuti dengan Taklimat Anugerah HBK 2023 disampaikan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman.

Taklimat juga diselajarkan dengan penyampaian Taklimat Tatacara Pendaftaran Anugerah HBK oleh Awang Mohamad Ali Noh bin Haji Masri.

Majlis turut mendengarkan sesi perkongsian bersama bekas pemenang Anugerah Hari Belia Kebangsaan oleh Pegawai Sejarah Kanan, Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran, Pusat Sejarah Brunei, Penerima Anugerah HBK; Belia Berkhidmat, Tahun 2021, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah.

>> Muka 8

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Labuan Bajo, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang akan berlangsung pada 10 hingga 11 Mei 2023. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2 dan 3).

Lantikan, penetapan jawatan pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar dilantik dan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tarikh pelantikan dan penetapan jawatan pegawai kanan tersebut berkuat kuasa mulai Rabu, 19 Syawal 1444 bersamaan 10 Mei 2023.

Kontinjen IDB VMAT 4 / 2022 pulang ke tanah air

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BOLKIAH GARISON, Selasa, 8 Mei. - Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team 4/2022 (IDB VMAT 4 / 2022) yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Hairin bin Japar telah pulang ke tanah air pada 3 Mei

2023 setelah berjaya menamatkan misi penugasan di Mindanao, Republik Filipina.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat semasa upacara perbarisan ialah Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

>> Muka 7



Berita Utama



MESYUARAT pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan 2023

Muka 4



SAMBUTAN Hari Raya Kampung Belimbing, MSU meriah

Muka 5



NBD pengerusikan ACCSM Ke-22

Muka 6



PAKATAN terus bergerak arah penyatuan perpaduan

Muka 20

Kebawah DYMM berangkat ke Labuan Bajo, Republik Indonesia

Oleh : Haniza Abdul Latif,
Hajah Siti Zuraihah Haji
Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi, Masri
Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Labuan Bajo, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang akan berlangsung pada 10 hingga 11 Mei 2023, hari ini.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa dibacakan (atas) manakala gambar kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	19	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	KHAMIS	20	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
12	JUMAAT	21	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40
13	SABTU	22	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	AHAD	23	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	ISNIN	24	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
16	SELASA	25	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	34 36 °C	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Bangar	34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Tutong	34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C
Kuala Belait	34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 MEI 2023

Kasih sayang tunjang utama kebahagiaan berkeluarga

DALAM sesebuah keluarga hubungan kasih sayang adalah amat penting bagi membina sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni. Keutuhan dan kekuatan hubungan sebuah keluarga bergantung kepada ikatan kasih sayang di antara ibu bapa, anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Oleh itu, membina kasih sayang sesama ahli keluarga adalah tunjang utama bagi mencapai kebahagiaan dan keharmonian hidup dan akan tetap terpelihara sepanjang masa.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu katanya : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya".

Menerusi hadis tersebut jelas menganjurkan umat Islam supaya hidup berkasih sayang dengan sentiasa menjaga hubungan keluarga dan persaudaraan. Perkara ini jelas menekankan bahawa keluarga merupakan institusi terpenting bagi sesebuah masyarakat kerana dari sinilah lahirnya individu yang bakal menjadi tulang belakang kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah bangsa dan negara.

Bagi melahirkan sebuah keluarga yang penyayang dan negara yang gemilang, beberapa perkara yang perlu diamalkan bagi setiap keluarga antaranya:

Pertama : Sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dikurniakan keluarga yang bahagia, hidup rukun damai, dikurniakan zuriat yang soleh dan cemerlang.

Kedua : Menerapkan akidah Islam yang kukuh dan mantap dalam diri setiap anggota keluarga kerana ia adalah asas utama dalam pembentukan keluarga bahagia yang mampu menjamin keamanan, kebahagiaan, dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Ketiga : Ketua keluarga hendaklah memberi penekanan terhadap tuntutan syariat khususnya dari sudut ibadah seperti memastikan ahli keluarga istiqamah mendirikan sembahyang fardu lima waktu, puasa pada bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Keempat : Sentiasa menyayangi ahli keluarga dan menjadikan diri sebagai *role model* dengan akhlak yang terpuji dengan menunjukkan contoh teladan yang baik, di samping memupuk rasa kasih sayang dan hormat menghormati sesama ahli keluarga.

Di samping itu, perkara paling utama adalah tugas dan tanggungjawab pasangan suami isteri dalam melahirkan keluarga yang harmoni dan penyayang. Dalam sesebuah keluarga, suami adalah pemimpin atau ketua dalam keluarganya. Suami memikul amanah dan tanggungjawab yang sangat besar yang tidak boleh diabaikan iaitu menjaga isteri dan anak-anak. Manakala isteri pula bertanggungjawab menjaga rumah tangga, membantu suami dan bekerjasama dalam mendidik anak-anak berlandaskan ajaran agama Islam.

Selain itu, anak-anak juga mempunyai peranan mereka iaitu mentaati kedua ibu bapa, bersikap dan bercakap dengan berlemah lembut serta bersopan santun. Sesungguhnya kedudukan ibu bapa di dalam Islam amat tinggi sehingga seorang anak diwajibkan menghormati dan memuliakan ibu bapanya.

Akhirnya sama-samalah kita melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing di dalam sesebuah keluarga. Mudah-mudahan kita akan memperoleh keluarga yang bahagia, harmoni serta sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbalalamiin. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**



>> Muka 2

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja. Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Labuan Bajo, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang akan berlangsung pada 10 hingga 11 Mei 2023. Berangkat mengiringi baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri) manakala gambar bawah, berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.



Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Republik Indonesia selaku

Pengerusi ASEAN bagi tahun 2023 akan menghoskan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang menghimpunkan para Pemimpin ASEAN bagi meneruskan perbincangan mengenai agenda dan keutamaan ketiga-tiga tanggung Komuniti ASEAN iaitu ASEAN Political-Security Community, ASEAN Economic Community dan ASEAN Socio-Cultural Community.

COVID-19 TIDAK LAGI DIKATEGORIKAN JANGKITAN KECEMASAN GLOBAL



Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Rawatan Intensif (ICU) dan tujuh kes di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sehingga Ahad, 7 Mei 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD kekal berada di tahap yang tinggi dengan 79.2 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 12.1 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

Sebanyak 817 kes baharu telah dilaporkan hari ini iaitu 815 adalah daripada hasil ujian ART dan dua kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

Pada kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kenyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat, 5 Mei 2023 iaitu mengenai hasil Mesyuarat Ke-15 International Health Regulations (IHR) Emergency Committee yang berlangsung pada 4 Mei 2023 di mana jangkitan COVID-19 tidak lagi dikategorikan sebagai Public Health Emergency of International Concern (PHEIC).

Ini bermakna pihak WHO tidak lagi menganggap situasi jangkitan tersebut sebagai satu kecemasan global.

Sebelum mencapai keputusan tersebut, pihak WHO bersama-sama dengan IHR Emergency Committee telah bersidang dan meneliti tren penurunan kematian kes-kes COVID-19 dan kemasukan kes-kes COVID-19 ke hospital serta tahap imuniti penduduk yang tinggi terhadap virus SARS-CoV-2.

Selain itu, walaupun virus berkenaan terus melalui evolusi

dan menerbitkan varian-varian baharu, namun varian-varian yang ada sekarang tidak dikaitkan dengan keadaan kes-kes yang teruk.

Berikutan dengan ini, pihak WHO menyarankan bagi pengurusan jangkitan COVID-19 diintegrasikan ke dalam pengawalan dan pengurusan jangka masa panjang penyakit-penyakit berjangkit iaitu sebagai satu isu kesihatan yang rutin.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak lagi akan mengongsikan maklumat-maklumat berkaitan dengan COVID-19 kepada orang ramai bermula Selasa, 9 Mei 2023.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi jangkitan COVID-19 sebagai sebahagian daripada pemantauan berterusan penyakit-penyakit berjangkit di negara ini dan akan memaklumkan sebarang perkembangan mengenai mana-mana penyakit berjangkit kepada orang ramai mengikut keperluan semasa.

Sementara itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengamalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul. Mereka yang berumur 18 tahun ke atas, khususnya penghidap penyakit kronik dan warga emas adalah juga digalakkan untuk mendapatkan suntikan dos penggalak vaksin (dari jenis bivalent vaccine).

Dos penggalak boleh diperoleh 6 bulan dari dos terakhir atau jangkitan COVID-19, tertakluk kepada di mana lebih kemudian.

Semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan peningkatan di mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu

minggu kebelakangan ialah 978 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 668 kes sehari. Sebanyak 40,796 keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam

masa satu minggu di mana 16.6 peratus daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif. Pada hari ini, satu kes berada di dalam Kategori 5 iaitu yang memerlukan rawatan di Unit

MESYUARAT PERTAMA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN 2023



PEGAWAI DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim mempengerusikan permesyuaratan pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-77 Tahun 2023 bagi Peringkat DBM.

ANTARA yang hadir pada permesyuaratan pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 Tahun 2023 bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM) bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Muhammad Khalid Doughty

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 Tahun 2023 bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara, hari ini, bersidang bagi permesyuaratan pertama bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Agenda mesyuarat termasuk perkara yang memfokuskan kepada penyusunan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan serta membincangkan format atur cara sambutan bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Mesyuarat tersebut seperti lazimnya membincangkan pembubaran jawatankuasa perayaan dan pelantikan jawatankuasa yang baharu bagi

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan pada tahun ini selain memaklumkan laporan *post mortem* acara-acara perayaan yang berlangsung pada tahun lepas.

Permesyuaratan kali ini juga disertai pelbagai pihak agensi dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Terdahulu, sesi bergambar ramai diadakan sebelum sidang mesyuarat dimulakan.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Bincang persiapan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-77

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Isnin, 8 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Belait diadakan hari ini di Dewan Santap, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait.

Hadir mempengerusikan mesyuarat berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Amiroi Hafidzin bin Haji Muhammad.

Dalam ucapan alu-aluannya, Haji Amiroi Hafidzin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, junjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, tidak lupa juga kepada semua yang terlibat dalam acara Persembahan Khas yang terdiri daripada para penuntut sekolah, tenaga pengajar dan guru-guru di atas penglibatan, kerjasama dan sokongan padu serta dukungan yang diberikan dalam sama-sama merancang dan melaksanakan semua acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Ke-76 pada tahun 2022 dengan jayanya.

Begitu juga tambah Haji Amiroi Hafidzin, penglibatan agensi-agensi kerajaan dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan, kebersihan, kecantikan, keceriaan serta keberhasilan acara-acara sambutan.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Daerah Belait dan seterusnya pembubaran Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76 Tahun bagi Daerah Belait Tahun 2022 dan melantik Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 bagi Tahun 2023 peringkat Daerah Belait.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat berkenaan ialah Upacara Pengibaratan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam; Majlis Kesyukuran; Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara; dan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

Di akhir mesyuarat, Pemangku Pegawai Daerah Belait mengharapkan kejayaan dalam menjalankan sambutan perayaan dengan memastikan penyertaan daripada semua lapisan rakyat dan penduduk Daerah Belait tanpa mengabaikan nilai-nilai konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait; Penghulu-penghulu Mukim; dan Ketua-ketua Kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77 Tahun bagi Daerah Belait Tahun 2023 peringkat Daerah Belait.



HADIR mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-77 bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Belait, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Amiroi Hafidzin bin Haji Muhammad.

Mesyuarat persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan di Daerah Tutong



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 8 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Tutong diadakan hari ini bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Mesyuarat didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh

Penghulu Mukim Telisai, Tutong, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Antara agenda mesyuarat tersebut ialah membincangkan mengenai persediaan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 bagi Daerah Tutong, Tahun 1444H / 2023M.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai cadangan acara-acara sectoral termasuk acara-acara keagamaan, kemasyarakatan dan kesukanan serta Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-77 bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Tutong.

Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran 77 kali Khatam bagi Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-Sekolah Menengah seluruh Negara.

Antara tujuan lain mesyuarat tersebut diadakan adalah bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 bagi Daerah Tutong Tahun 1444H / 2023M.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai-pegawai Kanan, Jabatan Kerajaan, Cawangan Daerah Tutong, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-77 bagi Daerah Tutong, dan Ketua-ketua Kampung, Daerah Tutong.

SAMBUTAN HARI RAYA KAMPUNG BELIMBING, MSU MERIAH

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundangan Kampung Belimbing

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Kemeriahan Sambutan Hari Raya masih lagi dirasai di bulan yang mulia ini dengan pelbagai pihak mengadakan acara berkenaan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Majlis Perundangan Kampung Belimbing mengadakan Sambutan Hari Raya setelah tiga tahun sambutan berkenaan tidak dijalankan disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19.

Pada tahun ini, projek berkenaan dibuat semula dengan format yang baharu, iaitu dengan mengadakan Sambutan Hari Raya di pondok-pondok Taman Riadah Tasik Sarubing. Pada tahun ini, sambutan berkenaan dianjurkan bersama Management and Science University Malaysia (MSU).

Di samping mengadakan Sambutan Hari Raya, pihak MSU juga turut membuat Community Engagement Brunei Chapter Siri Dua, iaitu kesinambungan daripada Siri Satu yang diadakan pada tahun lepas.

Projek berkenaan diadakan pada Sabtu, 6 Mei 2023 yang melibatkan para pelajar daripada Pusat-pusat Tingkatan Enam dan sekolah-sekolah menengah dengan penyertaan sebanyak 14 buah sekolah.

Manakala pada Ahad, 7 Mei 2023 diadakan Sambutan Hari Raya dan sebelah pagi Pertandingan Membakar Lemang dan Menumpang Ambuyat.

Peserta pertandingan terdiri daripada gabungan para penduduk



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merasmikan SDG-3R (Recycle, Reuse, Reduce) dan seterusnya merasmikan Sambutan Hari Raya Kampung Belimbing dan MSU dengan tema 'Dari Lemang Ke Ambuyat' dan diteruskan dengan kunjungan ke pondok-pondok. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang juga selaku Ketua Kampung Belimbing dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

kampung dan kakitangan MSU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan yang juga turut merasmikan SDG-3R (Recycle, Reuse, Reduce) dan seterusnya merasmikan Sambutan Hari Raya Kampung Belimbing dan MSU dengan tema 'Dari Lemang Ke Ambuyat' dan diteruskan dengan kunjungan ke pondok-pondok.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan yang juga selaku Ketua Kampung Belimbing dan Pesuruhjaya Tinggi

Malaysia ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.

Dengan adanya projek tahunan berkenaan memberikan wajah kegembiraan kepada para penduduk kampung dan warga MSU dengan sambutan yang amat meriah.

Diharapkan semoga projek berkenaan akan menjadi penjana kepada hubungan kekeluargaan yang lebih erat dan akrab dalam kalangan penduduk kampung dan juga warga MSU dan insyaaAllah projek berkenaan akan diadakan lagi pada tahun-tahun mendatang.



Bincang persediaan raikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong



PEGAWAI Daerah Temburong (tiga, kiri) mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 bagi Tahun 2023, Peringkat Daerah Temburong berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah, Pekan Bangar, Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 9 Mei. - Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 bagi Tahun 2023, Peringkat Daerah Temburong telah berlangsung bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah, Pekan Bangar, Temburong, baru-baru ini.

Hadir bagi mempengerusikan mesyuarat, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau serta Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili.

Antara agenda yang dibincangkan di dalam permesyuaratan tersebut ialah melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Temburong, Pengerusi-pengerusi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong dan Pengerusi-pengerusi Acara Keraian Daerah Temburong bagi Tahun 2023.

Agenda kemudiannya diteruskan dengan taklimat mengenai Post Mortem Perayaan 2022, Format Keberangkatan, Acara Perayaan Peringkat Kebangsaan 2023 dan taklimat mengenai Persembahan Khas Daerah Temburong 2023.

Pameran Lumen Spectrum 2023 buka tirai



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa melancarkan Pameran Lumen Spectrum 2023 berlangsung di Dewan Senat, UBD.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUNGKU LINK, Selasa, 9 Mei. - Program Reka Bentuk dan Industri Kreatif (DCI) Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) Universiti Brunei Darussalam (UBD) mempersembahkan Pameran Lumen Spectrum 2023 yang bermula pada hari ini sehingga 9 Jun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan menyempurnakan pelancaran pameran tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle pada majlis yang berlangsung di Dewan Senat, UBD, di sini.

Pengarah Pameran Lumen Spectrum 2023, Nixlan Johan dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa, gabungan

bakat peserta Lumen Spektrum 2023 itu membolehkan mereka terus menyokong pengembangan industri kreatif tempatan yang penting kepada ekonomi serta peluang kerjaya mereka.

"Ia benar-benar satu penghormatan untuk menjadi sebahagian daripada pameran ini," jelasnya.

Pameran pada tahun ini akan mempamerkan karya menakjubkan hasil daripada 63 mahasiswa dan mahasiswi DCI FASS yang berbakat daripada pelbagai kluster termasuk, seni halus, reka bentuk fesyen, seni dan reka bentuk digital, pembangunan permainan, reka bentuk produk, penerbitan, filemografi, fotografi, seni bina dan reka bentuk dalaman dan arca dan pemasangan.

Pameran tersebut dibukakan kepada kunjungan orang ramai yang bertempat di Right Wing Dewan Canselor, UBD bagi menyaksikan sendiri usaha kreatif dan inovatif para pelajar DCI yang lulus tahun ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai pameran tersebut, sila layari @ubdspectrum di Instagram atau e-mel di ubdspectrum@gmail.com.

NBD PENGERUSIKAN ACCSM KE-22



MESYUARAT Persediaan ACCSM dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman selaku Senior Official ACCSM.

GADONG, Selasa, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi menjadi Pengerusi bagi ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) bagi tempoh dua tahun, bermula tahun 2023 hingga 2024.

Sebelumnya, NBD pernah mengambil alih sebagai Pengerusi ACCSM sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1991 dan 2003.

Penyerahan Kepengerusian ACCSM Ke-22 (22nd. ACCSM) kepada NBD telah berlangsung pada bulan Ogos 2022 semasa Mesyuarat ACCSM kali Ke-21 yang telah diadakan di Hanoi, Viet Nam.

ACCSM telah ditubuhkan pada tahun 1981 dan merupakan salah satu badan sektoral (sectoral body) di bawah ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC), yang merupakan salah satu daripada



MESYUARAT Persediaan ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) yang berlangsung di The Rizqun International Hotel dan gambar bawah, perwakilan dari Negara-negara Anggota ASEAN semasa bergambar ramai.

tiga tonggak di bawah Komuniti ASEAN.

NBD telah menjadi ahli penuh ACCSM semenjak tahun 1984.

Selain berperanan dalam mengukuhkan kerjasama perkhidmatan awam di peringkat ASEAN, ACCSM juga merupakan satu platform bagi perkongsian maklumat, inovasi dan amalan terbaik berkaitan dengan Pengurusan Perkhidmatan Awam termasuk kerjasama dalam pembangunan kapasiti bagi mendekatkan lagi jurang pembangunan di antara Negara-negara Anggota ASEAN.

Selaku Pengerusi ACCSM Kali Ke-22, NBD telah menetapkan tema 'Strengthening ASEAN Public Sector : Fit for the Future' bagi mendukung pencapaian lima bidang utama (priority areas) seperti mana yang digariskan di dalam Pelan Kerja ACCSM 2021-2025 iaitu Meningkatkan Kecekapan dan Standard Tenaga Kerja dalam Sektor Awam; Membangun Kapasiti Institusi dan antara-agensi; Kepimpinan Transformatif; Memperkukuhkan ASEAN Resource Centres; Pembaharuan dan Pemodenan Sektor Awam.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammd Asri Haji Awang Abas

Bagi tujuan ini, beberapa program dan bengkel telah dirancang bagi pertukaran dan perkongsian amalan-amalan terbaik bersama Negara-negara Anggota ASEAN serta negara-negara ASEAN Plus Three (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea).

Sehubungan itu, Mesyuarat Persediaan ACCSM pada hari ini telah dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang

Norfarizal bin Othman selaku Senior Official ACCSM.

Mesyuarat akan berlangsung selama dua hari bertempat di The Rizqun International Hotel yang dikelolakan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam.

Seterusnya, mesyuarat akan disusuli dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) ACCSM pada esok hari.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "3" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

TAKLIMAT BARIGAKAN ANUGERAH HBK 2023

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad, Mohammad Khalid Doughty

>> Muka 1

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab turut dibukakan kepada yang hadir mendengarkan taklimat-taklimat tersebut.

Anugerah HBK merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyahut titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan belia suatu aset yang perlu diberi fokus dan dihargai.

Ini membuktikan bahawa golongan belia tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan dan sentiasa diberi perhatian penuh dalam pembangunan belia. Penyediaan kemudahan dan prasarana merupakan bukti kesejahteraan dan kehendak belia terpelihara.

Sebanyak empat kategori Anugerah HBK pada tahun ini iaitu Anugerah Belia Cemerlang (BC), Anugerah Belia Berkhidmat (BB), Anugerah Pemimpin Muda Belia (PMB) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia (PCUB).

Anugerah Belia Cemerlang merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang telah memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam apa jua bidang diceburi atau memperlihatkan usaha-usaha yang membuahkan hasil membanggakan dan mengharumkan nama negara.

Pencapaian yang cemerlang diperolehi di peringkat antarabangsa merupakan satu

keutamaan selain di peringkat serantau dan kebangsaan pula adalah satu kelebihan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Manakala bagi Anugerah Belia Berkhidmat (BB) merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada para pemimpin belia / belia yang telah memberikan sumbangan / khidmat secara sukarela mereka secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya.

Sementara itu, Anugerah Pemimpin Muda Belia (PMB) pula merupakan satu pengiktirafan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh pemimpin muda dalam memajukan pergerakan belia yang telah dipimpinnya secara berterusan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya.

Di samping itu juga sebagai penghormatan yang berterusan bagi ikutan dalam melahirkan pemimpin belia yang berwibawa, berwawasan dan berhemah tinggi.

Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia (PCUB) ialah Pengiktirafan diberikan kepada projek belia dalam pelbagai bidang yang berjaya menjadi inspirasi dan model kepada pembangunan masyarakat secara am dan khususnya kepada para belia.

Projek berinovasi membangun-



TAKLIMAT Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan (HBK) 2023 bersempena Sambutan HBK Ke-18, Tahun 2023 bertempat di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

kan dan memajukan agensi, organisasi atau persatuan atau pergerakan belia dan satu kelebihan jika projek tersebut membukakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat khusus dalam kalangan belia serta menyumbang kepada pembangunan belia dan ekonomi negara iaitu Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Sosial Ekonomi (PCUBSE) dan Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Gaya Hidup Sihat (PCUBGHS).

PCUBSE ialah Projek melibatkan kepada sumbangan dalam pembangunan belia dan mempelbagaikan ekonomi negara serta kesukarelawanan.

Kemampuan projek yang mampu membukakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat khusus dalam kalangan belia di negara ini adalah satu kelebihan.

Manakala, PCUBGHS pula projek menjurus kepada mempromosikan kesihatan dan sukan riadah dalam pemerksaan, penjagaan kesihatan kepada masyarakat di negara ini.

Kemampuan projek yang

memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menanam amalan budaya sihat serta meningkatkan kefahaman atau pendirian diri mengenai kepentingan menjaga kesihatan masing-masing adalah satu kelebihan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Antara syarat-syarat permohonan bagi semua kategori anugerah adalah seperti berikut iaitu pencalonan adalah terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, lelaki / perempuan (belia perseorangan atau belia-belia di dalam pergerakan / organisasi yang diiktiraf).

Berumur antara 15 hingga 35 tahun (tidak lebih daripada 35 tahun pada 1 Ogos 2023) bagi kategori PCUB / BC / BB sahaja dan berumur antara 15 hingga 45 tahun (tidak lebih daripada 45 tahun pada 1 Ogos 2023) bagi kategori PMB sahaja.

Surat Sokongan Pengesahan daripada mana-mana pihak atau individu; belum pernah menerima Anugerah HBK bagi kategori yang sama; mengisi permohonan dengan lengkap dan menyertakan dokumen yang diperlukan. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut syarat-syarat yang dikehendaki tidak akan dipertimbangkan.

Orang ramai boleh mendaftar melalui pautan <https://tinyurl.com/AHBK2023> dan maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang www.hbk.gov.bn. Tarikh tutup pencalonan ialah pada Isnin, 5 Jun 2023.

Sebarang pertanyaan mengenai anugerah tersebut bolehlah terus ke Urus Setia Anugerah Hari Belia Kebangsaan Ke-18 Tahun 2023, Jabatan Belia dan Sukan, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau menghubungi menerusi talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1300 / 1304 semasa waktu pejabat atau e-mel ke anugerah.hbk2023@gmail.com.

مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن


Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Iktihal Ketika Ihram dan Ihdad

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

IKTIHAL ialah memakai celak mata. Selain untuk berhias, *ikhtihal* juga dilakukan untuk berubat. Antara manfaat yang diperolehi dari *ikhtihal* ialah menerangkan penglihatan mata, menambah sinar mata, membersihkan dan melindungi mata daripada habuk atau kotoran yang menjejaskan kesihatan mata. *Iktihal* adalah suatu perkara yang digalakkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana dalam hadits daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Bercelaklah kamu dengan *itsmid* (jenis celak dari serbuk batu hitam), sesungguhnya ia menerangkan penglihatan mata dan menumbuhkan bulu (mata).

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sendiri bercelak mata setiap malam dengan bilangan yang ganjil bahkan Baginda juga memiliki alat celak mata. Menurut para ulama yang antaranya Imam an-Nawawi, asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini dan Imam as-Sayyid al-Bakri *Rahimahumullah*, memakai celak tiga kali pada setiap mata adalah sunat iaitu tiga kali pada mata kanan kemudian tiga kali pada mata kiri sebagai *ittiba'* (mengikuti perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam).

Iktihal adalah sunat sebagaimana juga

perkara-perkara lain yang disunatkan ke atas setiap orang Islam seperti memotong kuku dan menanggalkan bulu ketiak serta bulu ari-ari. Walau bagaimanapun *ikhtihal* tidak disunatkan ke atas orang yang sedang berihram atau ke atas perempuan yang dilarang berhias dan memakai wangi-wangian dalam masa 'iddah kerana kematian suami yang disebut sebagai *ihdad* atau berkabung.

Iktihal ketika berihram

Dalam kitab Raudhah ath-Thalibin, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata:

Ertinya: (Ketika berihram) haram bercelak mata dengan apa yang ada padanya wangian dan harus (bercelak mata) dengan apa yang tidak ada padanya wangian.

Berdasarkan perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas, hukum *ikhtihal* ketika berihram adalah haram jika celak yang digunakan mengandungi wangian dan harus hukumnya jika celak tersebut tidak mengandungi wangian. Walau bagaimanapun, *ikhtihal* dengan celak seperti celak *itsmid* yang tidak ada wangian dihukumkan makruh kerana padanya ada unsur berhias melainkan jika ada keperluan seperti mengubat mata. Hukum makruh dalam perkara ini adalah lebih kuat ke atas perempuan.

Adapun jika terdapat hajat atau keperluan seperti untuk mengubat radang atau sakit mata dan seumpamanya, maka hukumnya adalah harus. Walaupun diharuskan, sekiranya celak itu mengandungi wangian, maka orang yang

bercelak mata dengannya dikenakan fidyah.

Iktihal ketika ihdad

Kewajipan *ihdad* ada disebut dalam sebuah hadits daripada Ummu 'Athiyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:


Maksudnya: Tidak (harus) berkabung bagi seorang perempuan atas orang yang meninggal dunia lebih daripada tiga hari melainkan berkabung atas (kematian) suami, (iaitu) empat bulan sepuluh hari, dan dia tidak (harus) memakai pakaian yang dicelup warna kecuali pakaian 'ashb (pakaian Yaman yang tidak menarik perhatian), tidak (harus) bercelak mata dan tidak (harus) memakai wangian kecuali apabila dia suci (daripada haidh dengan menggunakan) sedikit daripada *quth* atau *azhfar* (dua jenis wangian yang digunakan untuk menghilangkan bau darah haidh dan bukan tujuan berwangi-wangian).

(Hadits riwayat Muslim)

Berdasarkan hadits di atas adalah jelas bahawa haram bagi perempuan yang berkabung bercelak mata sama ada celak yang digunakan itu mengandungi wangian ataupun tidak kerana pada bercelak mata itu ada unsur berhias.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin pula menjelaskan:

Ertinya: Maka jika dia (perempuan yang berkabung) memerlukan untuk bercelak mata dengannya (*itsmid*) kerana sakit mata atau selainnya, dia (harus) bercelak



dengannya pada waktu malam dan dia mencucinya pada waktu siang. Jika terdapat dharurah kepada penggunaan (celak) pada waktu siang adalah juga harus.

Berdasarkan perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas, haram ke atas perempuan bercelak mata ketika *ihdad* melainkan jika ada hajat (keperluan) seperti bercelak untuk mengubat matanya yang sakit.

Demikian penjelasan tentang hukum *ikhtihal* ketika ihram dan *ihdad*.

Tip KESIHATAN

Dekati, fahami apa itu resipi sihat

BAGI menjaga kesihatan tubuh badan dengan lebih baik, kita mestilah memantau pemakanan harian kita. Ini termasuklah melalui resipi makanan sihat yang perlu diamalkan oleh setiap individu. Apakah yang dimaksudkan dengan resipi atau resipi diet sihat?

Apakah dimaksudkan resipi makanan sihat?

Berdasarkan definisi yang dikeluarkan melalui *Mirriam-Webster Dictionary*, sihat bermaksud bermanfaat untuk keadaan fizikal, mental, atau emosi seseorang.

Ia juga membawa makna kondusif atau berkaitan dengan kesihatan yang baik atau mengurangkan risiko penyakit.

Makanan sihat membawa makna sebarang jenis makanan yang memberikan kita vitamin, mineral, protein, serat dan lemak sihat apabila di makan.

Oleh itu, bagi mendefinisikan resipi makanan sihat, ia boleh dikatakan sebagai resipi yang mengandungi kandungan sayur-sayuran, buah-buahan, daging tanpa lemak, kekacang, produk tenusu rendah lemak dan lemak sihat.

Gabungan jenis-jenis makanan seperti ini yang memberikan kita nutrisi yang amat diperlukan untuk kesihatan tubuh.

Apa yang perlu diperhatikan dalam resipi makanan sihat?

Merancang resipi diet sihat tidaklah sesukar yang disangka. Sekiranya awda mengetahui teknik dan langkah yang betul, ia boleh dijadikan sebagai satu rutin dalam kehidupan seharian awda.

Berikut adalah lima teknik yang perlu ada dalam menyediakan resipi diet sihat

1. Kurangkan penggunaan gula, garam dan juga lemak

a. Penggunaan gula, garam dan juga lemak berperanan sebagai bahan perasa utama dalam masakan. Tanpa gula, garam dan juga lemak, masakan pasti menjadi kurang enak atau tawar. Namun, untuk menyediakan resipi makanan sihat, awda perlu mengurangkan penggunaan ketiga-tiga bahan ini.

i. Gula : Jika sebelum ini awda menggunakan dua sudu gula dalam secawan air, kurangkan kepada satu sudu sahaja daripada jumlah tersebut. Awda juga boleh menggunakan alternatif pemanis lain sebagai ganti gula seperti stevia dan perasa vanila. Di negara barat, mereka gemar untuk menambahkan jenis rempah tertentu bagi menaikkan rasa minuman yang diminum. Ini termasuklah kulit kayu manis, bunga cengkih dan juga serbuk buah pala.

ii. Garam : Bagi hidangan yang memerlukan banyak garam sebagai bahan perasa, awda boleh mengurangkannya kepada separuh daripada jumlah yang biasa digunakan.

iii. Lemak : Bagi makanan yang menggunakan lemak dalam pembuatannya seperti roti, cuba gunakan separuh sahaja lemak seperti marjerin atau mentega. Awda boleh menggantikan separuh lagi dengan menggunakan bahan pengganti lemak yang berasaskan buah-buahan yang ada dijual di pasar raya.

2. Gantikan dengan bahan yang lebih sihat

a. Penggunaan bahan makanan yang lebih sihat bukan sahaja mengurangkan lemak dan kalori, tetapi ia juga meningkatkan jumlah nutrisi dalam resipi makanan sihat awda. Sebagai

contoh, jika awda mengambil roti putih sebelum ini, gantikannya dengan jenis roti pita atau roti gandum penuh.

b. Jika awda menggunakan jenis susu penuh krim sebelum ini, gantikannya dengan susu rendah lemak atau susu tanpa lemak. Begitu juga dengan hidangan yang berasaskan daging, kurangkan penggunaan daging dan tambahkan lebih banyak sayur-sayuran dalam resipi diet sihat.

3. Kurangkan sesetengah bahan yang tidak perlu

a. Bagi mengurangkan pengambilan kalori, cuba kurangkan pengambilan bahan-bahan seperti *toppings*, *condiments* atau perasa dan juga keju.

b. Bagi bahan seperti *toppings*, elakkan penambahan bahan seperti ini dalam masakan awda. Antaranya ialah krim putar, *frosting* dan juga coklat urai.

c. Bagi bahan perasa atau *condiments* pula, ia sememangnya mengandungi lebih banyak garam, gula dan juga kalori.

d. Oleh itu, cuba kurangkan penggunaan *condiments* seperti sayur dan buah jeruk, sos, mayones dan bahan pencacah lain.

e. Begitu juga dengan keju, kurangkan kepada separuh penggunaan sahaja setiap kali awda menyediakan resipi makanan sihat.

4. Ubah gaya masakan awda

a. Jika sebelum ini awda biasa menggoreng ikan, cuba tukar kepada teknik memasak yang lebih sihat seperti memanggang, stim atau membakar ikan. Selain itu, awda juga boleh merebus dan menyalai ikan tersebut.

b. Kurangkan penggunaan minyak dan lemak yang berlebihan dalam masakan awda untuk mengurangkan pengambilan kalori.

5. Kurangkan saiz hidangan

a. Ada sesetengah makanan yang mungkin mengandungi kandungan gula, garam dan lemak yang tinggi. Oleh itu, untuk mengurangkan pengambilan bahan-bahan seperti ini, awda boleh mengecilkan saiz hidangan awda. Gunakan pinggan, sudu atau gelas yang lebih kecil sebagai tip mengurangkan saiz hidangan.



2 BELIA NBD SERTAI ASEAN LEADERS' INTERFACE

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 8 Mei. - Republik Indonesia akan menjadi tuan rumah bagi ASEAN Leaders' Interface dengan perwakilan Belia ASEAN bermula pada 9 hingga 12 Mei 2023 di Labuan Bajo, Nusa Tenggara Timur, Indonesia, sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak

ASEAN Ke-42.

Sehubungan itu, seramai dua orang perwakilan belia Negara Brunei Darussalam, iaitu Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Awang Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin; dan mahasiswi

Universiti Teknologi Brunei, Dayang Siti Rafhanah binti Nor Hasnul berlepas ke Labuan Bajo, Nusa Tenggara Timur, Indonesia bagi menyertai ASEAN Leaders' Interface dengan perwakilan Belia ASEAN.

Rombongan belia berkenaan merupakan perwakilan belia yang menghadiri Dialog Belia ASEAN (AYD) mengenai Pembangunan

Digital Untuk Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang diadakan pada 11 hingga 13 April lalu di Jakarta, Indonesia.

Perwakilan belia dipilih oleh Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Belia (SOMY) masing-masing berdasarkan kepada penilaian perwakilan SOMY.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Dayangku Farah Amirah binti Pengiran Redzuan.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan

Sukan, Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman; serta para pegawai JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Di sepanjang ASEAN Leaders' Interface dengan perwakilan Belia ASEAN diadakan, mereka akan berpeluang untuk mengikuti beberapa aktiviti seperti menghadiri Mesyuarat ASEAN Leaders' Interface dengan perwakilan Belia ASEAN bersama para pemimpin ASEAN; *meet & greet* bersama komuniti Labuan Bajo; Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo; serta membuat lawatan sekitar Labuan Bajo.



DUA perwakilan belia Negara Brunei Darussalam, iaitu Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Awang Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin; dan mahasiswi Universiti Teknologi Brunei, Dayang Siti Rafhanah binti Nor Hasnul berlepas ke Labuan Bajo, Nusa Tenggara Timur, Indonesia bagi menyertai ASEAN Leaders' Interface dengan perwakilan Belia ASEAN. Hadir mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Dayangku Farah Amirah binti Pengiran Redzuan (atas dan kanan).





MINDA PEMBACA

Berhati-hati dengan penipuan 'scammer'

PENIPUAN *scammer* menjadi ancaman yang semakin meningkat dalam era digital ini. Banyak yang menjadi mangsa akibat penipuan *scammer* ini dengan berbagai modus operandi (MO) yang licik. Oleh itu adalah sangat penting bagi kita untuk lebih berhati-hati dan berwaspada terhadap penipuan *scammer* yang dapat merugikan kita dari segi kewangan mahupun emosional.

Salah satu MO penipuan *scammer* adalah melalui telefon atau pesanan elektronik seperti e-mel, sistem pesanan ringkas dan teks melalui aplikasi WhatsApp, Telegram dan seumpamanya. *scammer* juga sering kali mengaku sebagai pegawai bank atau agensi insurans untuk memperoleh maklumat peribadi seperti nombor akaun dan kad kredit. *Scammer* juga sering kali menawarkan hal-hal yang menarik atau hadiah untuk menarik perhatian mangsa.

Selain itu, *scammer* juga sering kali menggunakan taktik penipuan melalui media sosial, seperti mengirim pesanan atau menghubungi melalui akaun palsu dan mengaku sebagai teman atau keluarga. *Scammer* cuba mendapatkan wang atau maklumat peribadi dengan alasan yang sangat meyakinkan seperti dalam keadaan terdesak.

Berikut adalah beberapa tip-tip yang boleh diikuti untuk menghindari penipuan *scammer*. Jangan memberikan maklumat peribadi atau kewangan kepada individu yang tidak dikenali. Pastikan mengetahui keaslian perusahaan, agensi atau syarikat yang menghubungi melalui telefon, e-mel atau media sosial sebelum memberikan maklumat peribadi atau melakukan transaksi.

Berhati-hati dengan penawaran yang menarik kerana berkemungkinan besar ia adalah penipuan. Ini kerana *scammer* sering kali menggunakan taktik penawaran yang sangat menarik untuk menarik perhatian mangsa.

Jangan terburu-buru dalam mengambil keputusan terutama melibatkan transaksi kewangan atau maklumat peribadi. Luangkan waktu untuk memikirkan dengan bijaksana dan melakukan penelitian lanjut, jika perlu. Ini kerana *scammer* sering kali menggunakan taktik terburu-buru untuk membuat biskita merasa panik dan cemas.

Berwaspada dengan akaun palsu atau pesanan yang mencurigakan di media sosial. Jangan mudah percaya pada permintaan wang atau maklumat peribadi dari akaun yang tidak dikenali atau yang dilihat mencurigakan.

Nama : Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf
No. K/P : 01-135XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tiada Jalan Pintas Untuk Kaya'. Tarikh Tutup : 10 Mei 2023
2. 'Utamakan Keselamatan Semasa Memandu'. Tarikh Tutup : 17 Mei 2023
3. 'Kesan Pengambilan Garam Berlebihan'. Tarikh Tutup : 24 Mei 2023

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENUTUPAN SEMENTARA SEBAHAGIAN JALAN BUNGA RAMBAI, KUALA BELAIT



SEBAHAGIAN jalan di Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait ditutup sementara adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan paip pembedung di jalan berkenaan.

Tekanan air rendah disebabkan kerja pencucian tangki

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kerja pencucian tangki *Sump* Lumapas pada Khamis, 11 Mei 2023 bermula jam 9.00 pagi hingga kerja-kerja selesai. Kawasan-kawasan yang terlibat ialah keseluruhan Kampong Ayer, Mukim Lumapas, Mukim Sungai Kebun dan kawasan sekitarnya. Sebahagian kawasan-kawasan terlibat berkemungkinan mengalami tekanan air rendah (terutama kawasan-kawasan tanah tinggi). Untuk sebarang aduan mengenai gangguan bekalan air atau / dan permohonan pembekalan air *tanker*, sila hubungi Talian Darussalam 123.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan di Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait (sila rujuk peta) selama dua minggu, mulai Khamis, 11 Mei 2023, pukul 8.00 pagi. Penutupan sementara sebahagian jalan berkenaan adalah disebabkan oleh kerja-kerja

pembaikan paip pembedung di jalan berkenaan. Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dinasihatkan untuk menggunakan jalan lelongan yang ada di kawasan berkenaan dan disarankan untuk memperlakukan kenderaan serta sentiasa berhati-hati di kawasan berkenaan. Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam (TD) 123 / Livechat TD 123 (+673 8333123) atau e-mel pro@pwd.gov.bn.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

TIDAK DIPROSES

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

- ⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.
- ✔ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

منوجو كريضاءن الله
 MENUJU KEREDAAN ALLAH
 كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

DALAM menjalani kehidupan di dunia ini kita seharusnya berlumba-lumba mendapatkan keampunan dan pahala yang banyak dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk bekalan di akhirat nanti. Walau bagaimanapun sebagai hamba Allah, kita tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan dosa, sama ada kecil atau besar, sengaja ataupun tidak kerana sifat semula jadi manusia yang lemah dan mudah tunduk kepada keinginan hawa nafsu. Ini bukanlah alasan bagi membolehkan kita berbuat dosa dengan sewenang-wenangnya kerana orang yang beriman sudah tentunya akan taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak akan mudah kalah oleh hawa nafsu, sebaliknya berusaha menghindarkan diri dari melakukan dosa dan maksiat. Firman Allah dalam Surah Aali 'Imraan, ayat 133 yang mafhumnya : "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal

Mencuri bukan jalan penyelesaian

kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa".

Salah satu perbuatan dosa yang tidak boleh dipandang ringan ialah seperti perbuatan mencuri kerana sebijak mana pun si pencuri menyembunyikan perbuatannya pasti akan mendapat balasan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada di dunia atau di akhirat. Perlu diingat bahawa balasan terhadap dosa atas perbuatan tersebut boleh saja Allah timpakan pada bila-bila masa sahaja tanpa kita sedari.

Firman Allah dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 38 dan 39 yang mafhumnya : "Adapun orang laki-laki dan perempuan yang mencuri maka (hukumannya) potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan dan sebagai seksaan daripada Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Maka sesiapa yang bertaubat sesudah melakukan

kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Akhir-akhir ini kita sering melihat dan mendengar perbuatan mencuri harta benda kemudahan awam dan harta benda kerajaan. Selain itu, perbuatan mencuri juga berlaku dalam lingkungan tempat pekerjaan dan barang yang dicuri itu ada yang berupa wang ringgit dan harta benda persendirian.

Orang yang mencuri harta orang lain, yang ia belum bertaubat serta belum mengembalikan atau mengganti barang curiannya maka ia akan dituntut oleh orang tersebut di Hari Kiamat. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bertanya yang maksudnya : "Tahukah kamu siapa orang yang mufliis? Para sahabat pun menjawab : Orang yang mufliis menurut kami adalah orang yang tidak memiliki wang dirham mahupun harta benda. Nabi bersabda : Sesungguhnya orang yang mufliis

di kalangan umatku adalah orang yang datang pada Hari Kiamat dengan membawa pahala sembahyang, puasa dan zakat, tetapi ia juga datang membawa dosa berupa perbuatan mencela, menuduh, memakan harta orang lain, menumpahkan darah, dan memukul orang lain. Kelak kebaikan-kebaikannya akan diberikan kepada orang yang terzalimi. Apabila amalan kebajikan sudah habis diberikan, sementara belum selesai pembalasan perbuatan zalimnya, maka orang itu dicampakkan ke dalam api neraka".

Allah mengampunkan dosa orang yang mencuri jika dia bertaubat dan menyesali perbuatannya itu serta tidak mengulangnya lagi. Kemudian dia wajiblah mengembalikan barang-barang curian itu kepada pemiliknya. Oleh yang demikian, semiskin dan sesusah mana pun kita, maka jauhkanlah diri kita dari perbuatan mencuri, sesungguhnya mencuri itu bukanlah satu jalan penyelesaian yang dapat menyelesaikan sesuatu masalah bahkan perbuatan tersebut akan mendatangkan masalah yang besar baik di dunia mahupun di akhirat.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لِمَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقَضَىٰ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِدَنِّي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **ولا يئوده حفظهما وهو العلي العظيم** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد فثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)**

bagi

DAERAH TUTONG

1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Mukim Keriam
3. Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
6. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**TATACARA MENGHADAPKAN
BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Bahagian Institusi Mukim
dan
Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian
Hal EHWal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
Sabtu,
10 Jun 2023,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491.


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
09 / JMM / S / 12 / 91
(2023/2024)

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Ink / Cartridge / Tonner Bagi Printer dan Plotter dan Peralatan Komputer Lain Untuk Kegunaan Bahagian / Unit, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
25 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori :
B01 Sahaja

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM002 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembaikan Lantai dan Siling Block B, Di Jabatan Perkhidmatan Bangunan - Fasa 1

No. Projek :
2023DBSBM/JKR.01

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Mei 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Jun 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / UPK /
A&S / SOS / 002

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery
Of Stationeries
For Jabatan Perkhidmatan
Awam

Bayaran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 Mei,
Jam 2.00
Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
II / III

Kategori :
KA01 - Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 15 / BKTGS /
2023-T / II

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Tanah Susur di Qashr
Al-Meezan, Kumbang Pasang

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Mei 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Jun 2023,
Tidak lewat
jam 2.00
Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
07 / JMM / S / 12 / 91
(2023/2024)

Tajuk Sebut Harga :
Quotation For
Repair Works
Of
Roofing At Muzium
Daerah Belait,
Kuala Belait

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
25 Mei 2023,
Tidak lewat
jam 2.00
Petang


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023
/ T / TUT / 001
[JPPK / LTN / 07 / 2023]

Tajuk Tawaran :
Proposed Remedial Work
For Perimeter Fence
And Bridge Crossing
At Tutong Camp,
Ministry Of Defence

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KA01

Tempoh Penyediaan Kerja :
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa,
23 Mei 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
30 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1010 / 2023

Tajuk Projek :
Tawaran untuk Mencetak, Membekal, Mengedar dan Menjual Kain Rentang Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 Tahun bagi Tahun 2023

Yuran Tawaran :
BND15.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran :
Isnin,
22 Mei 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
24 Mei 2023


**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
AVSEC / 2023-2024 / SH-01

Tajuk Sebut Harga :
'Supply and Install Workstation For Aviation Security Section, Department Of Civil Aviation'.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
17 Mei 2023
Jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
d/a Tingkat Bawah,
Bahagian Kewangan,
Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan BB 2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 - 2024 / 09

Tajuk Tawaran :
Brunei MYCE 2023 Event
Photography Services

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
18 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Bagi
Sekolah-Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Daerah Brunei dan Muara

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 29 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Majeedah
Nuurul Bolkihah,
Kampung Kilanas Kawasan
Brunei III

Daerah Tutong

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 50 / 14

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Pengiran Anak
Puteri Fadzilah Lubabul
Bolkihah, Kampung Kupang,
Tutong II

Bayaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu, 4 Zulkaedah 1444H /
24 Mei 2023M sebelum
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / JAN / 014 / 2023

Tajuk Tawaran :
Provision of Technical
Assistance in the Maintenance
of 5 units of MAN K6 Major
MK3 Generating Sets
at Belingus Power Station

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran / Tender Box
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Level B2
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Companies Registered with the
Ministry of Development in
Class III, IV & V and have
category E03 and M03.

Dokumen tawaran dan
penerangan lanjut bolehlah
diperoleh di Tingkat 4,
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik di Unit
Tawaran dan Sebut Harga,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / QSTOR / 001 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Kayu
Bagi
Pemeliharaan Jambatan dan
Jeti Di Keseluruhan
Mukim- Mukim
Di Kampong Ayer
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
16 Mei 2023,
jam 2.00
Petang



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 03 / 2023

Tajuk Tawaran :
Landscape
Maintenance
To
Dewan Santap
And
Rumah Rasmi
Pegawai Daerah
Compund

Yuran Tawaran :
BND 5.00

Kelas :
I

Kategori :
(KPD12)

Tarikh Tutup :
16 Mei 2023
(Selasa)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Sahaja - Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 010 / 2023 - (CDE).T.
II

Nama Projek :
Mengorek dan Membuang Selut
Sungai Mangsalut

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
N/A

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 Mei 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
TERMINAL / 2023-2024 / SH-02

Sebut Harga Bagi The Supply,
Delivery, Installation and
Commissioning Of Analogue
and Digital Indoor Clock Time
Systems At Brunei International
Airport

Tarikh Tutup :
Rabu,
24 Mei 2023

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan

Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam.



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
 pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)
 dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
 oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
 JABATAN PERDANA MENTERI,
 LAPANGAN TERBANG LAMA,
 BERAKAS, BB3510,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg
 Sabtu
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

AIDILFITRI ERATKAN HUBUNGAN MESRA KELUARGA PERPUSTAKAAN

Berita dan Foto :
Haniza Abdul Latif

SENGKURONG, Isnin, 8 Mei. - Mantan pegawai dan kakitangan Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berkhidmat dari tahun 1967 hingga 2004 berkumpul kembali bagi meraikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di salah sebuah restoran di sini, baru-baru ini.

Sambutan buat julung kalinya diadakan itu dinamakan 'Keluarga Perpustakaan Berhari Raya' dihadiri oleh mantan-mantan pegawai dan kakitangan perpustakaan yang menjadi peneraju dan jentera bahagian yang sama-sama menyumbang perkembangan dan peranan Perpustakaan, DBP.

Mantan Pegawai Perpustakaan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal selaku Pengerusi Majlis, melahirkan rasa terharu atas kehadiran bekas-bekas pegawai dan kakitangan untuk sama-sama bersua kembali dalam suasana kemeriahan di Hari Raya.

Katanya, pertemuan yang amat bermakna itu merupakan bukti kesefahaman dan rasa perpaduan yang erat memandangkan



MANTAN pegawai dan kakitangan Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka berkumpul kembali bagi meraikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dinamakan 'Keluarga Perpustakaan Berhari Raya'.

keseluruhan yang hadir itu kebanyakan yang sudah bersara dan sudah berpindah kepada jabatan-jabatan yang lain.

"Majlis ini juga peluang kepada semua untuk menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya, di samping mengeratkan lagi

hubungan mesra dan harmoni dalam kalangan sesama kita sebagai keluarga perpustakaan," jelasnya.

Selain dimeriahkan dengan nyanyian lagu Hari Raya secara beramai-ramai, para hadirin juga mengambil peluang

berhibur dengan pelbagai aktiviti yang dihasratkan bagi merapatkan lagi hubungan keluarga perpustakaan.

DARI MAHKAMAH

Tinggal lebih masa : Warga asing dipenjarakan, denda

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman lapan bulan penjara dan denda sebanyak BND1,000 ke atas seorang wanita, warganegara Indonesia, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17.

Hukuman dijatuhkan oleh Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman di Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Kanan Hajah Azrimah juga menetapkan hukuman tambahan satu bulan penjara ke atas defendan kerana defendan gagal membayar denda. Maka, hukuman ditambah selama satu bulan. Ini menjadikan jumlah hukuman ke atas defendan adalah selama sembilan bulan penjara.

Karni, berumur 47 tahun, didakwa melakukan satu pertuduhan kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Pekerja mansuh pada 15 Disember 2014, iaitu selama 3,064 hari.

Pada 6 Mei 2023, kira-kira jam 11.01 pagi, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah menjalankan operasi di Jalan Mc Arthur, Bandar Seri Begawan dan mendapati bahawa Pas Pekerja defendan telah mansuh pada 6 September 2013.

Dalam siasatan mendedahkan bahawa Pas Pekerja defendan dikeluarkan pada 6 September 2013 sehingga 15 Disember 2014 di bawah tajaan seorang lelaki warga tempatan sebagai *domestic helper*.

Walau bagaimanapun, defendan telah melarikan diri dari majikannya pada Ogos 2014 dan selepas itu defendan bekerja sebagai *freelance domestic helper* dan *freelance cleaner*.

Majikan defendan telah melaporkannya ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JIPK dan seterusnya menyerahkan pasport defendan bertarikh 17 November 2014. Bahkan, Pas Pekerja defendan juga tidak dilanjutkan.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendan di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Adi Yusra bin Haji Adnan.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM



- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus Mee Segera

1000 mg



Sebiji Telur Masin

880 mg



1 sudu makan Kicap

376 mg



3 sudu makan Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan Kentang Goreng

116 mg



Segenggam Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan Amping

1.7 mg



Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

BANTU KESAN NURAINI

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan iaitu Nuraini, Perempuan, 29 tahun dengan nombor pasport, C9354330.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Bandar Seri Begawan di talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis, 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis yang berdekatan.

NURAINI, Perempuan, 29 tahun dengan nombor pasport, C9354330.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

SENGKURONG, Isnin, 8 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan iaitu Farida, Perempuan, 23 tahun dengan nombor pasport, C8833969.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong di talian +673 2661334 atau talian Kecemasan Polis, 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis yang berdekatan.

FARIDA, 23 tahun dengan nombor pasport, C8833969.



Kenali Bahasa Brunei

Pincin bermaksud

1 tidak bekerja lagi setelah tamat perkhidmatan.

Contoh pemakaian kata : masa ani urang karaja **pincin** sampai umur 60 tahun.

2 wang daripada kerajaan yang diterima pada setiap bulan oleh warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam setelah mencapai umur 60 tahun.

Contoh pemakaian kata : tiap-tiap bulan katua-katua kampung manarimai **pincin** tua arah panduduk kampung.

Rakit bermaksud dekat atau rapat dengan seseorang.

Contoh pemakaian kata : inda bisai ulah anak atu, gaul, jangan kau **rakit**.

Ramau-ramau bermaksud dijajah-jajah tetapi tidak dimakan, tentang makanan yang terhidang, biasanya oleh kanak-kanak.

Contoh pemakaian kata : inda ku jadi makan bingka atu, kana **ramau-ramau** ulih kanak-kanak udah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera KAMPUNG Kitani



Bingka Keladi Kampung Sungai Buloh (Sibanging)

Foto : Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BAHAN-BAHANNYA :

160 gram tepung gandum

140 gram gula

4 biji telur

300 ml santan kotak

250 ml air

2 sudu makan marjerin

(dicairkan)

350 gm keladi

1 sudu teh garam

Sedikit pewarna ungu

CARA-CARANYA :

Keladi dikukus terlebih dulu

selepas itu dihancurkan, dalam

blender masukkan kesemua

bahan di atas dan dikisar hingga kesemua bahan-bahan bersatu, lepas itu baru masukkan dalam loyang yang telah dialas dengan kertas minyak dan dibakar 30 minit ke 45 minit 180c menggunakan api atas bawah.



كمتن كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi



Kolesterol tinggi



Kencing manis



Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian bertenusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 5 Jun, 1963.

SOKAN SELUROH NEGERI BAGI SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat-Setia Usaha Kerajaan, Raja Azam bin Raja Haji Kamarulzaman akan merasmikan pembukaan peraduan sokan sekolah2 Melayu sa-negeri Brunei yang akan di-langsungkan pada 8 Jun ini di-Padang Besar di-sini.

Ini ada-lah peraduan yang terakhir bagi memilih kejohanan sokan sekolah2 Melayu seluroh negeri yang terdiri dari sekolah2 Melayu yang telah berjaya memasuki peraduan yang terakhir itu.

Pemilihan bagi memasuki per-

sa-banyak 88 mata.

- ◆ Sekolah Melayu Delima 1 mendapat 64 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Gadong mendapat 60 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Sungai Hanching 19 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Lambak, batu 6 Jalan Pasir mendapat 19 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Polai men-



Murid2 sekolah2 di-sepanjang Jalan Muara telah mengadakan pertandingan sokan di-padang Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara. Gambar di-atas ia-lah sa-bahagian dari achara2 perlawanan yang di-pertandingkan untuk memilih wakil2 ka-peraduan bagi seluroh Daerah Brunei/Muara.

aduan yang terakhir ini telah di-langsungkan sejak 1 Mei hingga 19 Mei yang lalu.

Dalam masa pemilihan tersebut lebih dari 50 buah sekolah2 Melayu di-negeri ini telah mengadakan pemilihan di-daerah masing2 untuk menghantar wakil sekolah2 itu ka-peraduan peringkat negeri.

Sa-belum di-jalankan upacara peraduan akhir itu nanti, ucapan2 antara lain akan disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Inche MacInnes dan Yang Di-pertua Persekutuan Sokan, Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Md. Yusuf.

Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Maun di-jangka akan menyampaikan hadiah2 kepada sekolah2 yang berjaya merebut gelaran johan dan naib johan sa-Negeri Brunei bagi tahun 1963.

Sementara itu keputusan pemilihan bagi sekolah2 Melayu Jalan Muara dan Sekolah2 Melayu Brunei I dan II ada-lah seperti berikut:

SEKOLAH2 MELAYU JALAN MUARA

- ◆ Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara mendapat

Jalan Muara mendapat 119 mata,
◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu Ulu Sungai Brunei mendapat 93 mata; dan

◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu Kuala Sungai Brunei mendapat 47 mata.

Dalam pemilihan Sekolah2 Melayu Brunei II ini yang mengambil bahagian adalah terdiri dari Sekolah2 Melayu Luar Bandar dan di-bahagikan kepada beberapa kumpulan.

SEKOLAH2

MELAYU BRUNEI

Dalam pemilihan sekolah2 Melayu Brunei I atau sekolah2 Melayu dalam bandar, maka hanya dua buah sekolah sahaja yang mengambil bahagian dan Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam telah di-bagikan kepada beberapa buah rumah pasokan kechuali Sekolah Melayu Laila Menchanai.

Keputusan dalam pemilihan itu ada-lah seperti berikut :

- ◆ Rumah Bendahara Sakam mendapat 67 mata,
- ◆ Rumah Nakhoda Manis mendapat 65 mata,
- ◆ Rumah Semaun mendapat 44 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Laila Menchanai mendapat 50 mata; dan
- ◆ Rumah Bolkihah mendapat 38 mata.

LUMBA JALAN KAKI

SERIA.— Kelab Belia Seria akan menganjorkan "Lumba Berjalan" sa-jauh 10 batu dari Kuala Belait ka-Seria pada 30 Jun ini.

Perlumbaan yang terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur antara 14 hingga 30 tahun juga akan di-buka kepada peserta yang berpasokan.

Tempat berlepas bagi peserta lelaki ia-lah di-Padang KBRC (Kuala Belait) dan bagi peserta perempuan di-Padang Field Force. Tempat penghabisan bagi kedua2 pehak itu ia-lah di-Gelanggang Olahraga Seria.

Hadiah khas kepada pemenang lelaki tempatan ada-lah disediakan.

Bayaran masuk menyertai lumba tersebut ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peserta dan \$2.00 bagi tiap2 pasokan. Satu pasokan hendaklah mengandungi tiga orang peserta.

Borang hendak memasuki perlumbaan itu boleh-lah di-dapati dari Pengelola Lumba Berjalan di-alamat Peti Surat 161, Seria.

Ada-lah di-fahamkan bahawa permukiman akan di-tutup pada 24 Jun akan datang ini.

SELAMAT TUNAI HAJI

BANDAR BRUNEI.— Semua orang2 Haji dari Brunei yang baharu saja selesai menunaikan fardhu Haji, kemarin telah selamat sampai kembali ka-tanah ayer dengan kapal laut.

Mereka telah bertolak dari Singapura pada 31 Mei lepas dengan kapal Kimanis dan dari Labuan mereka memakai dua buah kapal2 Kerajaan.

Orang2 Haji sa-ramai 61 orang itu telah berlepas ka-Mekah dari Singapura dengan kapal2 Haji

pertama, kedua dan ketiga tetapi memakai kapal yang pertama dalam perjalanan pulang ka-tanah ayer.

Sa-orang dari Haji2 Brunei telah malang dan meninggal dunia di-Mekah. Allah Yarham itu ia-lah Haji Bidin bin Metali, 62 tahun, dari Kampong Rimba, Gadong.

Dari bilangan orang2 Haji itu sa-ramai 21 orang ia-lah perempuan.



Wakil2 dari bahagian2 sekolah di-Daerah Brunei/Muara tatakala sa-belum memulakan pertandingan sokan untuk memilih kejohanan bagi mewakili daerah Brunei/Muara ka-perlawanan seluroh negeri.



PAKATAN terus bergerak arah penyatuan perpaduan

Rencana : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan PAKATAN

K arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Pelbagai inisiatif terus dilaksanakan dalam mendukung matlamat Wawasan 2035. Salah satu inisiatif berkenaan ialah dari segi keagamaan iaitu melahirkan generasi celik Al-Quran.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Ke-55 tahun, titah baginda :

"Celik dalam makna pandai membaca, dan selepas pandai membaca, dikehendaki juga jika boleh, untuk menjadi pakar dalam semua bidang ilmu yang berkaitan dengan Al-Quran. Inilah maksud Membina Generasi Al-Quran yang seideal-idealnya".

Dalam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam :

"Sebaik-baiknya ibadah umatku adalah membaca Al-Quran". (Riwayat Al-Baihaqi).

Bagi mencapai hasrat tersebut sekali gus mendukung dan menyahut titah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sejajar dengan moto Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) iaitu 'Berkerti dan Bertaqwa', justeru persatuan ini mengadakan Kelas Al-Quran yang telah mula diperkenalkan lebih 10 tahun yang lalu.

Kelas Al-Quran ini, yang telah diberi nama Kelas Muratal Al-Quran PAKATAN, diadakan dengan tujuan sebagai menyemarakkan lagi syiar Islam, di samping meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu keagamaan serta bacaan Al-Quran di kalangan ahli-ahli lelaki dan perempuan PAKATAN. Kelas berkenaan diadakan setiap Isnin, Selasa dan Sabtu dari 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dengan bimbingan oleh seorang tenaga pengajar yang telah lama mengajar di kelas Al-Quran tersebut, Awang Haji Abdullah bin Lakim, seorang bekas qari antarabangsa yang pernah mewakili Negara Brunei Darussalam pada ketika dulu. Pada masa ini, kelas tersebut disertai lebih 40 ahli-ahli PAKATAN.

Profil

PAKATAN didaftarkan dengan rasminya pada 14 September 1994. Keramaian ahli pada masa ini seramai 483 orang. Keahlian PAKATAN terbuka kepada rakyat Kebawah

Duli Yang Maha Mulia yang telah bersara daripada perkhidmatan kerajaan atau sektor swasta yang berkepentingan utama dengan kerajaan dengan syarat, bermastautin atau ada kaitan keluarga di Daerah Tutong.

Pentadbiran

Pentadbiran PAKATAN diterajui oleh lima Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) yang terpilih secara undi terbanyak dalam Mesyuarat Agung yang diadakan setiap tiga tahun sekali. Pada Majlis Mesyuarat Agung Ke-26 yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Bukit Bendera, Pekan Tutong, pada bulan Mac yang lalu, PAKATAN telah melantik lima orang ahlinya dalam JKTT yang baharu bagi sesi 2023-2024. Ahli-ahli JKTT yang baharu dilantik ialah Yang Di-Pertua PAKATAN, Awang Haji Ibrahim bin Haji Manaf; Timbalan Yang Di-Pertua, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali; Pengerusi Tetap, Awang Haji Talipuddin bin Haji Mahari; Setiausaha Agung, Awang Haji Mohammad Yusof bin Mohammad Yassin dan Bendahari Agung, Awang Ahanapi bin Haji Mahadi. Sementara itu, untuk membantu JKTT pula, seramai tujuh Jawatankuasa Tadbir (JKT) dan enam Ahli Jawatankuasa telah dilantik untuk setahun atau lebih mengikut kehendak dari masa ke semasa.

Kegiatan ekonomi

Berhubung dengan kedudukan kewangan

pula, PAKATAN juga turut memantapkan kedudukannya yang merupakan salah satu tujuan utamanya. Menyedari peri mustahaknya hal tersebut, maka tiga kegiatan telah dilaksanakan iaitu Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan, Stesen Minyak Kampung Keriam dan Bangunan Kedai Perusahaan Cahaya Pakatan.

Aktiviti PAKATAN

Selain aktif dalam memantapkan peningkatan pertumbuhan ekonomi PAKATAN, persatuan ini juga sering mengadakan majlis-majlis keagamaan dan kebudayaan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para ahlinya. Antara kegiatan yang dilaksanakan dan masih dalam perancangan ialah :

- Majlis Tadarus Al-Quran dan Tahlil PAKATAN Tahun 2023 diadakan pada Ahad, 2 April 2023 di Masjid Kampung Keriam.

- Majlis Khatam Al-Quran pada 3 April 2023 di kediaman Penasihat PAKATAN.

- Majlis Ramah Mesra Aidilfitri yang akan diadakan pada 20 Mei 2023 bertempat di Laman Pantaran Seri Melati, Kuala Tutong.

Kesimpulan

PAKATAN terus bertenaga bergerak ke arah memberikan khidmat baktinya, demi kepentingan kemajuan dan pembangunan masyarakat, khususnya para ahlinya ke arah penyatuan perpaduan yang mencakupi kehidupan bersama.



AUSTRALIA KELUARKAN AMARAN PRODUK KESIHATAN PALSU ANCAM NYAWA



SYDNEY, 9 Mei. - Pihak berkuasa kesihatan di Queensland, Australia pada Selasa mengeluarkan amaran untuk tidak mengambil produk kesihatan yang diperoleh secara haram, lapor Xinhua.

Amaran itu dibuat selepas rampasan ubat tiruan yang mengandungi bahan boleh mengancam nyawa.

Menurut Queensland Health, tablet yang dirampas diuji positif protonitazene, opioid yang sangat kuat yang boleh membawa maut

walaupun dalam jumlah kecil.

Tablet terbabit telah dijenamakan semula sebagai ubat tulen termasuk Xanax, yang tidak tersedia secara komersial di Australia.

Pengarah Eksekutif Queensland Health Cawangan Kesihatan Mental, Alkohol dan Ubatan John Allan menggesa orang ramai supaya tidak mengambil ubat dan bahan tiruan dalam apa jua keadaan.

Beliau berkata bahawa

pengguna mungkin tidak menyedari pemalsuan itu, kerana kebanyakan tablet kelihatan tulen dan berlabel.

"Protonitazene boleh menyebabkan kegagalan pernafasan, pitam, koma dan kematian, walaupun diambil dalam kuantiti yang sedikit.

"Nitazenes, termasuk protonitazene, merupakan opioid sintetik yang sama kuat atau lebih kuat daripada fentanyl.

"Ia telah dikesan di Queensland

dan negeri lain dalam pelbagai bentuk, termasuk tablet, serbuk dan cecair," kata Alan.

Perbadanan Penyiaran Australia melaporkan bahawa polis tempatan sedang berusaha mengesan sumber tablet haram itu,

dengan siasatan mengenai dua kematian yang dikaitkan dengan tablet palsu itu masih diteruskan. - ©BERNAMA

Uzbekistan adakan pilihan raya awal presiden

TASHKENT, 9 Mei. - Uzbekistan akan mengadakan pilihan raya awal presiden pada 9 Julai selepas menerima pakai perlembagaan yang diperbaharui, kata dekri presiden pada Isnin.

Berucap di parlimen, kerajaan dan agensi kerajaan pada Isnin, Presiden Shavkat Mirziyoyev berkata perlembagaan baharu

menetapkan tugas politik, sosial dan ekonomi baharu yang mendesak.

Mirziyoyev berkata di bawah perlembagaan baharu, pilihan raya presiden perlu mengambil kira bahawa "semua cabang kuasa sedang diperbaharui".

Referendum yang diadakan pada 30 April meluluskan pakej

pindaan perlembagaan, termasuk melanjutkan tempoh penggal presiden daripada lima kepada tujuh tahun.

Mirziyoyev, yang memenangi dua pilihan raya presiden berturut-turut pada 2016 dan 2021, kini boleh bertanding selama dua penggal di bawah perlembagaan baharu, kata Xinhua. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 1.7 juta orang hadir perhimpunan Istanbul, Presiden Turkiye

ANKARA, 8 Mei. - Dengan tempoh berbaki seminggu lagi untuk pilihan raya presiden dan parlimen di Turkiye, presiden negara itu mengadakan perhimpunan besar-besaran di Istanbul pada Ahad yang dihadiri sekurang-kurangnya 1.7 juta orang.

Recep Tayyip Erdogan yang memuji orang ramai yang hadir pada perhimpunan Istanbul, mengimbas kembali pencapaian kerajaannya sejak 21 tahun lalu, lapor Agensi Anadolu (AA).

Pemimpin Turkiye itu berkata kerajaannya berjaya meningkatkan pendapatan negara sebanyak tiga

kali ganda sejak 21 tahun lalu.

"Dalam tempoh 21 tahun, kami menyediakan pekerjaan dan makanan kepada 21 juta orang dan membina 10.5 juta rumah baharu".

Beliau mengkritik pembangkang negara itu atas retorik jahat mereka mengenai dron tempatan serta dron tempur, dan berjanji untuk meningkatkan lagi industri pertahanan negara.

Mengenai tenaga, Erdogan mengimbas kembali rizab gas asli dan minyak bernilai berbilion dolar yang ditemukan di Laut Hitam dan kawasan Gabar selatan Turkiye untuk kegunaan negara.

Erdogan juga berkata

kerajaannya sedang melaksanakan "Projek Terowong Istanbul Hebat," yang akan menjadi terowong ketiga bawah Laut Marmara.

Pilihan raya di Turkiye akan berlangsung pada 14 Mei.

Untuk pemilihan presiden, pengundi akan memilih antara Presiden Recep Tayyip Erdogan dan tiga calon pembangkang Kemal Kilicdaroglu, Muharrem Ince dan Sinan Ogan.

Sementara itu, 24 parti politik dan 151 calon bebas bersaing untuk merebut kerusi parlimen Turkiye yang dianggotai 600 orang. - ©BERNAMA

Kanada umum tempahan terbesar bas elektrik di Amerika Utara

OTTAWA, 9 Mei. - Kerajaan Kanada pada Selasa mengumumkan pemerolehan lebih 1,000 bas elektrik bagi meningkatkan rangkaian transit awam elektrik di wilayah timur Quebec, lapor Xinhua.

Menurut siaran berita yang dikeluarkan oleh Infrastructure Canada, kerajaan persekutuan dan kerajaan wilayah Quebec akan melabur lebih 780 juta dolar Kanada (AS\$585 juta) dan lebih 1.1 bilion dolar Kanada (AS\$825 juta) masing-masing untuk membolehkan pembelian 1,229 bas elektrik untuk rangkaian transit

awam elektrik Quebec.

Sokongan kewangan yang tidak dapat ditandingi di Kanada membolehkannya melaksanakan projek bas elektrik terbesar di Amerika Utara, kata kenyataan itu.

Pembiayaan itu akan membolehkan 10 organisasi pengangkutan awam di Quebec memulakan penukaran besar-besaran kumpulan bas mereka kepada 100 peratus elektrik.

Pelaburan itu juga memenuhi komitmen kerajaan persekutuan untuk membantu membeli 5,000

bas wasap sifar dalam tempoh lima tahun akan datang, kata kenyataan itu.

Bagi memaksimumkan potensi manfaat ekonomi tempatan, Kanada menetapkan 25 peratus pemasangan akhir perlu dilakukan di Kanada, menurut kenyataan itu.

Bas yang ditempah itu akan diserahkan menjelang 2027.

Menurut Pelan Ekonomi Hijau Quebec, semua kenderaan baharu yang diperolehi oleh agensi transit awam dan menerima subsidi kerajaan mestilah kenderaan elektrik mulai 2025. - ©BERNAMA

AS, Arab Saudi bincang projek kereta api untuk hubung Asia Barat

ISTANBUL, 8 Mei. - Penasihat keselamatan negara Amerika Syarikat (AS), Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan India akan membincangkan projek bersama untuk menghubungkan negara-negara Teluk, negara Arab dan India melalui rangkaian kereta api, menurut laman sesawang berita Amerika.

"Penasihat keselamatan AS, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan India pada Ahad membincangkan kemungkinan menjayakan projek infrastruktur bersama utama itu," menurut Axios, memetik dua sumber yang mempunyai pengetahuan langsung mengenai rancangan itu.

Projek itu merupakan antara inisiatif utama yang mahu dilaksanakan oleh Rumah Putih di Asia Barat susulan pengaruh China yang semakin berkembang di rantau itu, menurut laman sesawang berkenaan.

Asia Barat merupakan kawasan penting dalam inisiatif Jalur dan Jalan China, satu projek besar

China yang dibina di atas runtuhannya Jalan Sutera purba, bertujuan untuk menghubungkan China dengan seluruh dunia melalui pembinaan infrastruktur.

Seorang pegawai AS yang tidak dinamakan memberitahu Axios bahawa projek kereta api itu akan menjadi antara topik perbincangan semasa lawatan Penasihat Keselamatan Negara Rumah Putih, Jake Sullivan ke Arab Saudi.

"Sullivan akan berbincang

dengan Putera Mahkota Mohammed bin Salman dan pegawai Saudi yang lain mengenai hubungan dua hala antara Arab Saudi dan AS, isu serantau dan kemungkinan langkah normalisasi selanjutnya hubungan antara Arab Saudi dan Israel," menurut seorang lagi pegawai.

Belum ada sebarang ulasan daripada para pegawai daripada empat negara berkenaan mengenai laporan AS itu. - ©BERNAMA

Messi menang ahli sukan terbaik Laureus 2023

ISTANBUL, 9 Mei. - Lionel Messi pada Isnin dinobatkan sebagai Ahli Sukan Terbaik Dunia pada Anugerah Sukan Dunia Laureus, lapor Agensi Anadolu (AA).

"Pencipta sejarah! Lionel Messi merupakan atlet pertama memenangi Anugerah Ahli Sukan Terbaik Dunia Laureus dan Anugerah Pasukan Terbaik Dunia Laureus pada tahun yang sama," ciap Laureus.

Messi membimbing Argentina merangkul kejuaraan Piala Dunia 2022 dengan menewaskan juara 2018 Perancis 4-2 menerusi penentuan penalti di Qatar.

Anugerah Pasukan Terbaik Dunia diberikan kepada pasukan kebangsaan Argentina, dan pemain tengah Manchester United, Christian Eriksen memenangi Anugerah Kemunculan Semula Dunia Terbaik.

Eriksen, 31, diserang sakit jantung tahun lalu semasa perlawanan EURO 2020 di Stadium Parken Copenhagen. - ©BERNAMA

Angkasawan wanita pertama Arab Saudi berlepas ke ISS 21 Mei

ANKARA, 8 Mei. - Angkasawan wanita pertama Arab Saudi akan berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 21 Mei ini, lapor Agensi Anadolu (AA) memetik agensi angkasa lepas AS NASA.

Rayyanah Barnawi, seorang penyelidik kanser payudara, bersama angkasawan lelaki, Ali AlQarni, akan menjadi sebahagian daripada misi Axiom Space 2, yang akan dilancarkan pada kira-kira pukul 5.37 petang (waktu EDT) pada 21 Mei, kata NASA.

Misi 10 hari itu dirancang untuk berlepas dari Pusat Angkasa Kennedy di Florida pada 8 Mei, sebelum pelancarannya dijadualkan semula pada 21 Mei oleh NASA dan Axiom Space.

Dua angkasawan Arab Saudi itu dijangka menyertai angkasawan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sultan Al Neyadi yang sedang dalam misi selama enam bulan di ISS.

Angkasawan Peggy Whiston dan perintis perniagaan serta juruterbang John Shoffner juga akan menjadi sebahagian daripada misi Axiom Space 2. - ©BERNAMA

Rusia kembali tersenarai 10 ekonomi terbesar dunia

MOSCOW, 8 Mei. - Rusia kembali tersenarai dalam 10 ekonomi terbesar dunia dengan menduduki tempat kelapan buat kali pertama sejak 2014 dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan bernilai AS\$2.3 trilion pada 2022, menurut data daripada Bank Dunia dan perkhidmatan statistik yang dianalisa oleh Sputnik pada Ahad.

Pada 2014, Rusia berada dalam kedudukan kesembilan dalam senarai ekonomi utama dunia dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan bernilai US\$2.05 trilion manakala pada 2021 negara itu berada di kedudukan ke-11, kata data berkenaan.

Data menunjukkan bahawa ekonomi AS mendahului senarai pada 2022 dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) nominalnya dianggarkan pada AS\$25.5 trilion, manakala China menduduki tempat kedua (AS\$17.9 trilion), diikuti Jepun (AS\$4.2 trilion), Jerman (AS\$4.07 trilion), dan India (AS\$3.4 trilion).

Ekonomi UK pula kekal di tempat keenam (AS\$3.07 trilion) dalam senarai berkenaan manakala Perancis menduduki tempat ketujuh (AS\$2.8 trilion), menurut statistik. - ©BERNAMA



MEXICO CITY, 9 Mei. - Presiden Mexico Andres Manuel Lopez

MEXICO GESA AS TANGANI KEGANASAN SENJATA API DI SEMPADAN

Obrador pada Selasa menggesa ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) supaya menerima pakai dasar berkesan untuk menghentikan

keganasan senjata api di kedua-dua belah sempadan AS-Mexico, lapor Xinhua.

Bercakap pada sidang akhbar hariannya, Lopez Obrador menyeru khususnya Gabenor Texas Greg Abbott dan Gabenor Florida Ron DeSantis agar meneruskan kawalan senjata api dan memperlakukan penyeludupan senjata api rentas sempadan.

"Ia adalah satu inisiatif yang baik untuk mencegah pembunuhan

malang ini - insiden tembak ini kerap kali berlaku di Amerika Syarikat," kata Obrador.

Terdapat ahli politik di AS "tidak berkata apa-apa" mengenai penjualan senjata api kerana mereka menerima wang daripada pengeluar senjata untuk membiayai kempen pemilihan semula mereka, katanya.

Kerajaan Mexico sebelum ini memfailkan saman di AS terhadap pengeluar dan pengedar senjata api dengan menuduh mereka

melakukan amalan perniagaan cuai yang memburukkan keganasan senjata api di Mexico.

Pihak berkuasa Mexico menganggarkan sekurang-kurangnya setengah juta senjata api dibawa masuk secara haram dari AS kepada kumpulan penjenayah di negara itu setiap tahun.

Obrador berkata beliau akan mengadakan perbualan telefon dengan Presiden AS Joe Biden pada Selasa untuk menangani isu dua hala. - ©BERNAMA

7 maut, 12 cedera apabila SUV rempuh perhentian bas di sempadan AS

HOUSTON, 8 Mei. - Tujuh maut dan sekurang-kurangnya 12 lagi cedera dirempuh sebuah kenderaan di perhentian bas bandar berhampiran pusat perlindungan pendatang di Brownsville, selatan Texas pada pagi Ahad, menurut pihak berkuasa.

Penyiasat polis Brownsville Martin Sandoval berkata nahas berlaku pada kira-kira pukul 8:30 pagi waktu tempatan Ahad di perhentian bas berhampiran pusat perlindungan Ozanam Centre di bandar Texas, bersempadan Mexico.

Menurut Jabatan Bomba Brownsville sekurang-kurangnya 12 orang cedera dalam nahas itu.

"Tujuh individu disahkan meninggal dunia di tempat kejadian dan 11 dihantar ke hospital tempatan manakala seorang lagi mangsa dihantar ke Pusat Perubatan Valley Baptist di Harlingen," menurut jabatan itu di laman Facebooknya. - ©BERNAMA

Liga Arab terima semula keanggotaan Syria selepas 12 tahun

ISTANBUL, 8 Mei. - Liga Arab pada Ahad memutuskan untuk menerima semula keanggotaan Syria selepas keanggotaannya digantung selama 12 tahun, lapor Agensi Anadolu (AA).

Berucap pada sidang akhbar di Kaherah, Menteri Luar Mesir Sameh Shoukry berkata menteri-menteri luar Liga Arab bersetuju untuk menerima semula penyertaan delegasi kerajaan Syria dalam mesyuarat Liga.

Keputusan itu buat pada mesyuarat menteri-menteri luar negara Arab di ibu negara Mesir.

Setiausaha Agung Liga Arab Ahmed Aboul Gheit mengesahkan bahawa Syria telah diterima semula ke badan negara-negara Arab itu.

Bercakap pada sidang media yang sama, Aboul Gheit berkata jawatankuasa telah dibentuk oleh Mesir, Arab Saudi, Jordan dan Iraq dalam usaha ke arah merealisasikan penyelesaian krisis Syria.

"Jalinan hubungan normal antara Syria dan negara-negara Arab merupakan keputusan berdaulat bagi setiap negara," katanya.

Laporan awal menyebut menteri-menteri luar negeri Arab memberi kelulusan bersyarat untuk Syria kembali ke Liga Arab.

Menurut majalah Saudi Al Majalla, rejim Syria perlu mengambil langkah praktikal ke arah menyelesaikan krisis Syria.

Keputusan untuk menerima semula keanggotaan Syria dibuat menjelang sidang kemuncak tahunan Arab di Arab Saudi pada 19 Mei.

Syria digantung daripada badan 22 negara itu pada 2011 ekoran tindakan keras rejim terhadap protes pro-Demokrasi, yang membawa kepada perang saudara.

Rejim Syria bagaimanapun mula bertukar-tukar lawatan rasmi dan hubungan dengan beberapa negara Arab sejak beberapa bulan kebelakangan ini. - ©BERNAMA

Perdana Menteri Slovak letak jawatan ekoran krisis politik

LONDON, 8 Mei. - Perdana Menteri sementara Slovakia Eduard Heger mengumumkan peletakan jawatannya, lapor Agensi Anadolu (AA) memetik media tempatan pada Ahad.

Heger yang mengetuai kerajaan sementara selepas gabungan empat partinya sendiri tumbang pada Disember tahun lepas, menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Presiden Zuzana Caputova.

"Saya telah meminta presiden membatalkan mandat saya," kata Heger yang terkenal atas sokongan padunya terhadap Ukraine menentang Rusia dalam perang semasa.

Heger berkata beliau menyerahkan kepada presiden dan kerajaan sementara untuk membawa Slovakia kepada pilihan raya yang bebas dan demokratik.

Awal minggu ini, Menteri Pertanian Heger Samuel Vlcak memutuskan untuk berundur dan diikuti peletakan jawatan Menteri Luar Rastislav Kacer.

Sementara itu, Caputova dilaporkan mengesahkan bahawa kerajaan teknikal akan dilantik pada 15 Mei.

Ludovit Odor yang juga timbalan ketua Bank Negara Slovakia akan berkhidmat sebagai ketua kabinet sehingga pilihan raya mengejut pada September. - ©BERNAMA

Twitter mula padam akaun tidak aktif

WASHINGTON, 9 Mei. - Twitter sedang dalam proses memadam akaun lama yang terbiar selama beberapa tahun, kata pemiliknya Elon Musk pada Isnin.

"Kami sedang memadam akaun yang tidak mempunyai aktiviti langsung selama beberapa tahun, jadi anda mungkin akan melihat penurunan bilangan pengikut,"

lapor Agensi Anadolu Agency (AA) memetik ciapan Musk.

Kriteria untuk menentukan pembersihan akaun pengguna bagaimanapun masih tidak jelas.

Dasar akaun tidak aktif Twitter mengatakan pengguna harus log masuk sekurang-kurangnya sekali setiap 30 hari, namun tidak jelas sama ada ia adalah dasar yang

akan digunakan oleh syarikat itu menentukan sama ada akaun akan dipadam.

Keputusan Musk untuk melupuskan akaun yang tidak aktif dibuat ketika beliau menerajui Twitter memasuki bulan ketujuh selepas membeli syarikat itu dengan harga AS\$44 bilion pada Oktober lepas. - ©BERNAMA

Pakistan, China mahu sekatan unilateral ke atas Afghanistan ditamatkan

NEW DELHI, 9 Mei. - Pakistan dan China mahu sekatan unilateral ke atas Afghanistan dihentikan dan menggesa masyarakat dunia supaya terlibat secara konstruktif dengan kerajaan sementara Afghanistan.

Menteri Luar Pakistan Bilawal Bhutto Zardari, Ahli Majlis Negara China dan Menteri Luar Qin Gang dan pemangku menteri luar Afghanistan Amir Khan Muttaqi berkata mereka telah bersetuju bekerjasama rapat untuk menggalakkan kestabilan serantau dan integrasi ekonomi.

"Ketiga-tiga pihak menggesa negara terlibat supaya menarik balik sekatan unilateral mereka terhadap Afghanistan dan memulangkan aset di luar negara untuk manfaat rakyat Afghanistan selain mewujudkan peluang untuk pembangunan ekonomi dan kemakmuran di Afghanistan," menurut kenyataan bersama pada Isnin hasil pertemuan mereka di Islamabad pada Sabtu.

Berbillion dolar aset Afghanistan kekal dibekukan di luar negara, terutama di Amerika Syarikat, sejak Taliban mengambil alih kuasa di

Kabul pada Ogos 2021.

"Para menteri itu menyeru masyarakat antarabangsa supaya melibatkan diri secara konstruktif dengan pihak Afghanistan," menurut kenyataan bersama itu.

Ia menonjolkan kerjasama tiga hala dalam menggalakkan ketersambungan dan menyokong pelbagai projek serantau yang dirancang.

"Ketiga-tiga pihak mengesahkan keazaman mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi Afghanistan sebagai hab untuk keterhubungan serantau," menurut kenyataan itu.

Mereka menekankan kerjasama lanjut menerusi Inisiatif Jalur dan Jalan China (BRI) dan bersetuju untuk bersama-sama memperluas Koridor Ekonomi China-Pakistan (CPEC) ke Afghanistan.

Negara-negara itu berkata projek sedia ada termasuk CASA-1000, TAPI, dan Keretapi Trans-Afghan, akan meningkatkan kesalinghubungan serantau serta memastikan kemakmuran ekonomi.

Projek CASA-1000 akan membolehkan Tajikistan dan

Kyrgyzstan yang kaya dengan kuasa hidro untuk menjual lebih banyak elektrik kepada Pakistan dan Afghanistan pada musim panas manakala saluran paip TAPI sepanjang 1,840 km akan membawa gas asli dari Turkmenistan ke Afghanistan, Pakistan dan India.

Projek Keretapi Trans-Afghanistan yang melibatkan Uzbekistan, Afghanistan dan Pakistan akan menghubungkan Asia Tengah ke Laut Arab.

Menteri-menteri luar Afghanistan, Pakistan dan China akan mengenal pasti langkah selanjutnya untuk mengembangkan aktiviti perdagangan dan pergerakan manusia.

"Ketiga-tiga pihak bersetuju untuk meningkatkan perdagangan transit melalui Pelabuhan Gwadar," menurut kenyataan itu yang merujuk kepada hab perdagangan laut mega di selatan Pakistan.

Mereka juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani ancaman keselamatan, militan, jenayah terancang dan penyeludupan dadah. - ©BERNAMA

21 terkorban apabila rumah bot yang membawa pelancong karam di selatan India

NEW DELHI, 8 Mei. - Sekurang-kurangnya 21 orang termasuk wanita dan kanak-kanak, terkorban dalam kemalangan bot pelancong di negeri Kerala di selatan India pada petang Ahad.

Rumah bot yang membawa kira-kira 40 penumpang, dalam perjalanan rekreasi apabila terbalik di luar bandar pesisir pantai Tanur di daerah Malappuram.

Kebanyakan mangsa adalah penduduk tempatan, menurut laporan media tempatan.

Angka kematian dijangkakan meningkat kerana masih ramai penumpang yang hilang.

Lima belas yang terkorban telah dikenal pasti, menurut menteri sukan negeri V. Abdurahaman yang menyelaras usaha menyelamatkan bersama menteri pelancongan P.A. Mohamed

Riyas.

"Bot itu terbalik. Punca kejadian belum diketahui dan polis masih menyiasat," menurut Abdurahaman dipetik sebagai berkata dalam satu laporan.

Kerajaan Kerala mengumumkan Isnin akan disambut sebagai hari berkabung di negeri itu sebagai tanda penghormatan mereka yang kehilangan nyawa dalam tragedi itu. - ©BERNAMA

FORMAT KEJOHANAN BELIA B15, B20 ALAMI PERUBAHAN



PENGERUSI Jawatankuasa Tetap Pertandingan, Awang Morni bin Haji Zakaria pada Mesyuarat bersama Pengurus-pengurus yang diadakan di Dewan Teater, FABD House.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MESYUARAT bersama Pengurus-pengurus Kejujutan Belia Bawah 15 Tahun (B15) dan Bawah 20 Tahun (B20) yang dijangka berlangsung pada bulan Jun nanti (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.

BERAKAS, Selasa, 9 Mei. - Kejujutan Belia Bawah 15 Tahun (B15) dan Bawah 20 Tahun (B20) yang dijangka berlangsung pada bulan Jun nanti akan mengalami sedikit perubahan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak FIFA. Perkara itu dimaklumkan oleh

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertandingan, Awang Morni bin Haji Zakaria pada Mesyuarat bersama Pengurus-pengurus yang diadakan malam tadi di Dewan Teater, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) House.

Beliau berkata, sebelum ini, kejujutan berkenaan dijalankan tidak begitu lama.

Walau bagaimanapun, jelasnya, pada masa ini Kejujutan Belia B15 dan B20 tersebut perlu diadakan sebanyak 90 perlawanan dan formatnya juga akan mengalami

perubahan.

Agenda utama mesyuarat itu antara lain adalah bagi membincangkan mengenai persiapan Pasukan Kebangsaan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam, dan diteruskan dengan taklimat bagi

Kejujutan-kejujutan Liga Pembangunan B15 dan B20 serta taklimat mengenai perundangan kejujutan belia-belia yang masih berada dalam kategori minor, iaitu Child Safeguarding and Protection Policy yang telah pun diaktifkan sejak tahun 2022.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

Ujian ART
Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)

Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan



Bekalan elektrik beberapa kawasan ditutup sementara

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik ingin memaklumkan orang ramai mengenai penutupan sementara bekalan elektrik pada Rabu, 10 Mei 2023, jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Tempat yang mengalami penutupan sementara bekalan elektrik tersebut ialah dari Simpang 539 hingga Simpang 558, Kampung Batong, Daerah Brunei dan Muara dan sekitarnya.

Penutupan sementara ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja penyelenggaraan kabel kawat atas voltan rendah.

Penerimaan akhir pembayaran caruman Jun 2023

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada majikan-majikan bahawa sebagai persediaan awal bagi pelancaran skim yang baharu, iaitu Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) nanti, tarikh akhir penerimaan pembayaran caruman bagi bulan Jun 2023 adalah diawalkan pada 30 Jun 2023.

Sebelum tarikh pelancaran SPK, ahli dinasihatkan untuk tidak membuat pembayaran awal (*advance payment*) bagi caruman

bulan Julai 2023 dan bulan-bulan berikutnya.

Turut dimaklumkan, cawangan-cawangan TAP serta perkhidmatan *online*, e-Amanah akan ditutup bermula Sabtu, 1 Julai 2023.

Perkhidmatan - perkhidmatan tersebut akan dibuka semula selepas hari kelepasan awam bermula pada Isnin, 17 Julai 2023.

Ini bagi membolehkan pihak TAP membuat proses peralihan ke SPK nanti. Sehubungan itu,

majikan-majikan dan orang ramai yang berhasrat untuk berurusan dengan TAP bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

Majikan adalah dinasihatkan untuk sentiasa menyemak *inbox* e-Amanah bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai SPK dari semasa ke semasa.

Sebarang kesukaran yang mungkin dihadapi adalah amat dikesali dan pihak TAP amat menghargai kerjasama yang diberikan.



ePaper Pelita Brunei



FABD TERIMA SUMBANGAN PERALATAN BOLA SEPAK



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan sumbangan peralatan bola sepak kepada Presiden FABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan dan seterusnya bergambar ramai pada majlis tersebut (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Selasa, 9 Mei. - Kerajaan Jepun, dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Jepun (JFA), pagi tadi menyumbangkan sebanyak 48 biji bola sepak, 21 biji bola futsal, pakaian latihan dan kasut sukan kepada Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Majlis penyerahan sumbangan yang berlangsung di Dewan Teater, FABD itu, dihadiri oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru dan Presiden FABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Dengan sumbangan berkenaan, ia diharap dapat mengeratkan lagi

silaturahmi dalam bidang sukan dan mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Terdahulu, Tuan Yang Terutama dalam ucapannya menerangkan sumbangan tersebut adalah kerjasama dengan JFA.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah melihat kerjasama aktif antara

Jepun dan Brunei dalam bidang bola sepak. Sejak 2019, Jurulatih Bola Sepak Jepun, Atsushi Hanita telah dihantar oleh JFA, dengan kerjasama Yayasan Jepun.

"Justeru dengan sumbangan sebegini, saya berharap dapat melihat suasana bola sepak semakin kukuh di Brunei dan lebih banyak pertukaran dipermudahkan antara kedua-dua negara kita," jelas TYT.

Kontinjen E-Sports, Fencing berlepas ke Kemboja

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Isnin, 8 Mei. - Seramai 11 orang ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi kumpulan kelima berlepas ke Phnom Penh, Kemboja hari ini bagi menyertai acara sukan E-Sports dan Fencing di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32.

Kontinjen berkenaan terdiri daripada enam orang jurulatih dan atlet sukan E-Sports; serta lima orang jurulatih dan atlet sukan Fencing.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan kata-kata semangat serta nasihat



SERAMAI 11 ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) berlepas ke Phnom Penh, Kemboja bagi menyertai acara sukan E-Sports dan Fencing di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32. Hadir bagi mengucapkan selamat belayar, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

kepada kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS), Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Hadir sama ialah para pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

NBD menyertai 12 jenis acara sukan, termasuk acara Renang Akuatik, Karatedo, Larian Berhalangan, Pencak Silat, Petanque, Angkat Berat dan

Wushu.

Kumpulan terakhir akan bertolak ke Phnom Penh, Kemboja pada Khamis, 11 Mei 2023.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ISLAM MEMENTINGKAN PENJAGAAN KESELAMATAN, KESIHATAN DI TEMPAT KERJA